

Tingkatkan Kesedaran Penggunaan IWK

90,000 sertai
Peraduan
Bayar dan Menang
pusingan kedua

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Peraduan Bayar dan Menang 2018 anjuran Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) pusingan kedua berjaya menarik kira-kira 90,000 penyertaan, sekali gus mencapai matlamat pengamiran sebagai salah satu bentuk kempen kesedaran mengenai IWK.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Faizal Othman berkata, pihaknya terharu dan berbesar hati dengan sambutan penyertaan yang diterima bagi pusingan kedua peraduan berkenaan dan menghargai sokongan yang diberikan.

Justeru menurutnya, dengan penyertaan itu, diharapkan lebih ramai pengguna dapat memahami perkhidmatan yang dijalankan dalam memastikan sistem perbetungan yang cekap.

"Di samping bertujuan untuk menghargai para pelanggan IWK, peraduan ini juga merupakan salah satu inisiatif syarikat dalam menggalakkan pembayaran bil serta menggiatkan pelanggan untuk mendaftar bagi perkhidmatan e-Bill."

"Pelanggan IWK telah dimaklumkan mengenai peraduan ini melalui bil perkhidmatan pembayaran masing-masing, di sam-



Faizal (tengah) bergambar bersama pemenang selepas Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Bayar dan Menang Pusingan Kedua.

ping pengumuman melalui laman web rasmi IWK serta beberapa promosi di laman digital dan sosial media," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Bayar dan Menang Pusingan Kedua di Loji Rawatan Kumbahan Serantau Pantai 2 di sini, kelmarin.

Beliau berkata, dengan pengamiran peraduan itu, jumlah yang mendaftar dalam sistem e-Bill juga meningkat kepada 80,000 pengguna.

"Baru beberapa bulan dilancarkan ia memecah 80,000 dan ini adalah satu perkembangan positif. Kita menyasarkan pendaftaran dalam talian sehingga 100,000 pengguna menjelang hujung tahun ini."

"Dalam masa sama, sudah tentunya kami mengharapkan semua pengguna iaitu kira-kira 3 juta pengguna mendaftar dalam e-Bill," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, pembayaran bil perbetungan juga menunjukkan perkembangan positif apabila kutipan tahunan meningkat lebih 90 peratus.

"Sepanjang 24 tahun berkhidmat, dalam tempoh beberapa tahun ini kita nampak peningkatan yang memberangsangkan."

"Jadi kita harap mana-mana pengguna yang mempunyai tunggakan bayaran bil dapat membuat bayaran agar melancarkan lagi ope-

rasmi perkhidmatan yang dijalankan," katanya.

Terdahulu, beliau menyampai-kan hadiah kepada 11 pemenang peraduan tersebut iaitu 10 pemenang pakej percutian ke Osaka/Jepun dan seorang pemenang utama sebuah kereta Perodua Myvi.

Pemenang utama, Mohd Hafiz Hazaipah, 35, yang berjaya memandu pulang kereta berkenaan telah dipilih melalui sistem pilihan rawak secara berkomputer.

Peraduan Bayar dan Menang ini telah berlangsung selama dua pusingan iaitu pusingan pertama dari April hingga Mei dan pusingan kedua dari Mei hingga Ogos 2018.

Bagi pusingan pertama,

seramai sepuluh pemenang berjaya merangkul hadiah pakej percutian ke Gold Coast, Australia.

SENARAI PEMENANG HADIAH PAKEJ PERCUTIAN KE OSAKA, JEPUN

1. Nuraini Abu Bakar (Johor)
2. Teoh Sin Huat (Selangor)
3. Ho Sze Kwong (Selangor)
4. Chong Siew Keong (Selangor)
5. Ooi Lisa (Pulau Pinang)
6. Leong Kok Tong (Selangor)
7. Lim Ken Weng (Pulau Pinang)
8. Andrew Kuan (Pulau Pinang)
9. Kok Mei Lin (Melaka)
10. Asnin Yusairi Md Yunus (Selangor)

SURAT KHABAR	: SINAR HARIAN	MUKA SURAT	: 50
TARIKH	: 24/10/2018		
JABATAN	: IWK		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		